



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

Tingkat 9 & 10, Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Telefon: 082 – 495959

Faksimili: 082-495800 (Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495801 (Timb. Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495802 (Inspektorat)
Faksimili: 082-495803 (Kumpulan Wang Simpanan / Pencen)
Faksimili: 082-495804 (Pentadbiran dan Sumber Manusia)
Faksimili: 082-495807 (Perancangan)
Faksimili: 082-495808 (Gaji)
Faksimili: 082-495817 (Akaun)
Faksimili: 082-495990 (Hasil)
Faksimili: 082-495991 (Pengurusan Dana)



PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK NO. 3/2022

**PERKARA: GARISPANDUAN PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN
SECARA BERKELOMPOK MENGGUNAKAN KAEDAH *ONE
VOUCHER MULTIPLE INSTRUCTION (OVMI)***

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan prosedur serta garispanduan penyediaan baucar bayaran secara berkelompok bagi pembayaran melalui kaedah *One Voucher Multiple Instruction (OVMI)* dan proses pembayaran semula *Electronic Fund Transfer (EFT)* yang ditolak oleh bank atau cek terbatal dalam *State Integrated Budgeting Accounting System (SIFBAS)*. Garispanduan ini merangkumi proses di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menyediakan baucar bayaran dan di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS) sebagai pejabat pembayar/perakaunan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan pembayaran menggunakan kaedah *Electronic Fund Transfer (EFT)* mulai 01 Ogos 2016, penyediaan baucar bayaran adalah satu baucar untuk satu penerima. Proses ini menyukarkan proses penyediaan bayaran yang melibatkan penerima yang ramai seperti bayaran bantuan kebajikan, bayaran insentif dan sebagainya.
- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No. PP1/1998 Perkara: Bayaran Berkelompok adalah berkaitan bayaran kepada penjawat awam bagi tuntutan elaun perjalanan, elaun kilometeran dan elaun lebihmasa dibuat secara berkelompok bagi sekumpulan pegawai yang mempunyai akaun di bank yang sama.

2.3 JPNS telah menambahbaik sistem, prosedur dan proses bagi membolehkan pembayaran secara berkelompok untuk semua jenis pembayaran EFT/Cek melalui kaedah OVMI.

3. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG MENYEDIA BAUCAR BAYARAN

Proses pembayaran OVMI ini dilakukan sepenuhnya melalui *State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System* (SIFBAS). Proses kerja penyediaan baucar bayaran OVMI adalah seperti pada **Lampiran 1(a) – 1(c)**. PTJ yang menyediakan baucar bayaran perlu memastikan perkara-perkara berikut:

3.1 Butiran senarai penerima wajib lengkap diisi **mengikuti format** seperti pada **Lampiran 2**. Sila pastikan:

3.1.1 Nama penerima seperti rekod di bank penerima.

3.1.2 Nombor akaun bank, kod bank penerima betul, adalah yang terkini dan masih aktif. Senarai kod bank boleh di rujuk di **Lampiran 3**.

3.1.3 Jenis indikator ID penerima yang dipilih adalah betul. Jenis indikator ID adalah seperti berikut:

Bil.	ID	Nama
1.	01	No.K.P. Baru
2.	02	No.K.P. Lama
3.	03	No. Pasport
4.	04	No. Tentera
5.	05	No. Polis
6.	06	No. Pendaftaran Perniagaan/No.Pendaftaran

3.1.3.1 Penerima Individu

Nombor kad pengenalan atau nombor kad pengenalan Polis /Tentera bagi pegawai polis/tentera atau nombor pasport bagi penerima yang bukan warganegara yang digunakan semasa membuka akaun bank berkenaan.

3.1.3.2 Penerima Bukan Individu

Nombor pendaftaran syarikat, kontraktor, pembekal, pekedai, persatuan, jawatankuasa dan lain-lain yang diberikan oleh pihak bank semasa pembukaan akaun untuk transaksi pembayaran melalui EFT.

3.1.4 Bayaran yang disediakan dalam satu baucar bayaran berkelompok hendaklah bagi tujuan bayaran dan **kod akaun yang sama**.

3.1.5 Senarai penerima bagi satu baucar bayaran hendaklah **tidak** mengandungi butiran penerima yang sama. Jumlah penerima dalam satu baucar tidak boleh melebihi 20,000 penerima. Namun begitu, tiada had dalam jumlah amaun bagi setiap baucar bayaran.

3.1.6 Senarai penerima individu dan penerima bukan individu hendaklah disediakan dalam baucar yang berasingan.

3.1.7 Melengkapkan alamat emel penerima bagi membolehkan penerima menerima makluman pembayaran.

3.2 Bagi pembayaran melebihi RM10,000.00 dalam satu baucar bayaran, baucar bayaran hendaklah disedia, diperiksa dan dibenarkan oleh 3 pegawai yang diberikuasa kecuali telah mendapat kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri No.3/2007.

3.3 Pemegang waran boleh memilih bagi pembayaran berkelompok dibayar melalui cek dengan justifikasi yang kukuh dan tertakluk dengan kebenaran pejabat pembayar. Pemilihan ini boleh dilakukan melalui modul *Direct Payment* semasa penyediaan baucar bayaran.

3.4 Pembayaran Semula EFT/Cek Terbatal

Bagi baucar bayaran yang disediakan selepas tarikh berkuatkuasa pekeliling ini, proses permohonan pembayaran semula EFT/Cek terbatal, dibuat sepenuhnya atas talian melalui modul '*Vote Ledger*'. Contoh skrin bagi proses pembayaran semula atas talian seperti pada **Lampiran 4**. Proses kerja Pembayaran Semula adalah seperti pada **Lampiran 5(a) – 5(d)**.

Notifikasi mengenai bayaran EFT/Cek terbatal akan diemel kepada pegawai yang menyedia, menyemak, membenarkan baucar bayaran dan Pegawai Pengawal untuk diambil tindakan lanjut.

Justeru, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi;

3.4.1 Pemegang waran perlu menentukan tindakan yang perlu diambil untuk EFT/cek terbatal tersebut samada:

3.4.1.1 pembayaran semula diperlukan (para 3.4.2 – 3.4.3 adalah berkaitan);

3.4.1.2 pembayaran semula tidak diperlukan dan pembayaran akan dibatalkan. Jika dibatalkan dalam tahun yang sama, amaun bayaran asal hendaklah dikreditkan terus ke Maksud Perbelanjaan atau Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman; atau

3.4.1.3 Jika dibatalkan dalam tahun yang berbeza, amaun bayaran asal akan dikreditkan ke Akaun Hasil kecuali bagi bayaran yang pada asalnya didebit ke Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman.

3.4.2 Mendapatkan butiran penerima yang betul dan memastikan proses permohonan pembayaran semula dibuat dalam tempoh 4 hari bekerja setelah menerima notifikasi pembatalan EFT/cek.

3.4.3 Bagi EFT/Cek dibatalkan dan perlu diganti, pemegang waran perlu mengesahkan dan mengemaskini butiran penerima yang betul.

4. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2022**. Dengan surat Pekeliling ini, dimaklumkan bahawa Pekeliling-Pekeliling seperti berikut adalah dibatalkan:

- (i) Pekeliling Perbendaharaan No.1/1998; dan
- (ii) Pekeliling Perbendaharaan No. 1/2002.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila berhubung dengan Jabatan ini ditalian 082-495959.

Sekian, terima kasih.

"Tepat Ramah Yakin"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(HAJAH ELEAN BINTI MASA'AT)
AKAUNTAN NEGERI SARAWAK

Rujukan: TRY:301004/Vol.6/**31**

Tarikh: **01 JUL 2022**


Agihan Kepada : Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
: Peguam Besar Negeri Sarawak
: Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
: Semua Setiausaha Tetap, Kementerian
: Semua Residen Bahagian
: Semua Ketua Jabatan
: Semua Akauntan Perbendaharaan Bahagian

Salinan Kepada : Pengarah Audit Negeri Sarawak




PROSES KERJA ONE VOUCHER MULTIPLE INSTRUCTION

DI PERINGKAT PTJ (PUSAT TANGGUNGJAWAB)






PROSES KERJA ONE VOUCHER MULTIPLE INSTRUCTION DI PERINGKAT PTJ (PUSAT TANGGUNGJAWAB)





**PROSES KERJA ONE VOUCHER MULTIPLE INSTRUCTION
DI PERINGKAT PERBENDAHARAAN**



CONTOH FORMAT BUTIRAN PENERIMA

1	2	3	4	5	6	7	8
Payee Name	Payee ID Indicator	Payee IC	Payee Email	Payee Address	Payee Bank Code	Payee Bank Acct	Amount
AAA	01	999999999999	abc@email.com	aaaaaa	RHB	9999999999	1,000.00
BBB	01	999999999999	bbb@email.com	bbbbbb	ABB	9999999999	1,000.00

Petanda:

Kolum	Penerangan
1 - 8	Wajib di isi
2	Payee ID Indicator haruslah seragam untuk semua penerima
6	Bank Code mesti mengikut format yang dilampirkan
3 dan 7	Sistem akan mengesan duplicate data untuk Payee ID dan Payee Bank Acc. Number

Bil.	Bank Code	
	Bank Code	Bank Name
1	ABB	Affin Bank Berhad
2	ABMB	Alliance Bank Malaysia Berhad
3	ABN	ABN AMRO Bank Berhad
4	AGRO	AGRO Bank
5	AIBB	Affin Islamic Bank Berhad
6	ALRAJHI	AlRajhi Bank
7	ALSR	Alliance Islamic Bank Berhad
8	AmBank	AmBank
9	AMF	Am Finance Berhad
10	AmInvest	AmInvestment Bank Berhad
11	AmIslamic	AmIslamic Bank Berhad
12	ASB	Amanah Saham Bumiputra
13	ASNB	Amanah Saham Nasional Berhad
14	BAB	Bank Of America Berhad
15	BBB	Bangkok Bank Berhad
16	BCB	Bank of China (M) Berhad
17	BHMF	Borneo Housing Mortgage Finance Berhad
18	BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
19	BKRM	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
20	BMMB	Bank Muamalat
21	BNM	Bank Negara Malaysia
22	BPIMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
23	BSN	Bank Simpanan Nasional
24	CIMB	CIMB Bank Berhad
25	CIMBI	CIMB Islamic Bank Berhad
26	Citi Bank	Citi Bank
27	COOP	CO-OPBANK PERSATUAN
28	DB	Deutsche Bank
29	DBOS	Development Bank of Sarawak
30	EBB	EON Bank
31	EFB	EON Finance Berhad
32	Eoncap	EonCap Islamic Bank
33	HLB	Hong Leong Bank Berhad
34	HLBB	Hong Leong Bank Berhad
35	HLIB	Hong Leong Islamic Bank Berhad
36	HSBC	HSBC Bank Malaysia Berhad
37	ICB	Industrial And Commercial Bank Of China (Malaysia) Berhad
38	JPMCB	J.P. Morgan Chase Bank Berhad
39	KIBB	Kenanga Investment Bank Berhad
40	KUWAIT	Kuwait Finance House (M) Berhad
41	MBB	Maybank Berhad
42	MBSB	MBSB Bank Berhad
43	MFB	Mayban Finance Berhad
44	MIB	Maybank Islamic
45	MIDF	MIDF Amanah Investment Bank Berhad
46	OCBC	Overseas Chinese Banking Corporation
47	OUB	Overseas Union Bank
48	PBB	Public Bank Berhad
49	PFB	Public Finance Berhad
50	PIB	Public Islamic Bank
51	RHB	RHB Bank Berhad
52	RHBDF	RHB Delta Finance
53	RHBI	RHB Islamic Banking Berhad
54	SBB	Southern Bank Berhad
55	SCB	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
56	SME	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad
57	Tabung Haj	Lembaga Tabung Haji, Negeri Sarawak
58	UOBM	United Overseas Bank (Malaysia)

Lampiran 4

CONTOH SKRIN BAGI PROSES PEMBAYARAN SEMULA ATAS TALIAN

Cancelled Cheque/EFT Register

Repayment Action *
Repayment

	Original Payee Details	Amended Payee Details
Payee Name	EFT Payee 161	EFT Payee 161
Payee ID Indicator	01 - No. K.P. Baru	01 - No. K.P. Baru
Payee ID Number	999999999999	999999999999
Payee Email	cft@sarawak.gov.my	cft@sarawak.gov.my
Payee Address	EFT Test Address	EFT Test Address
Payee Fax	082-999999	082-999999
Payee Banker	RHB Bank Berhad, Ground Flr, Lot 363, Jln Kulas, 93740 Kuching.	RHB - RHB Bank Berhad, Ground Flr, Lot 363, Jln Ku
Payee Bank Account No.	11119900109999	11119900109999
Payment Mode	EFT	EFT

☐ Dengan ini, saya mengesahkan bahawa semua butiran yang telah dikemaskini telah disemak dan disahkan betul.


Status	Draft	Prepared By	Prepared Date
Confirmed By		Confirmed Date	

Submit Update Close



PROSES PEMBAYARAN SEMULA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) / CEK TERBATAL


DI PERINGKAT PTJ (PUSAT TANGGUNGJAWAB)






PROSES PEMBAYARAN SEMULA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) / CEK TERBATAL

DI PERINGKAT JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK





**PROSES PELARASAN KOD AKAUN
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) / CEK TERBATAL
DI PERINGKAT PTJ (PUSAT TANGGUNGJAWAB)**





**PROSES PELARASAN KOD AKAUN
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) / CEK TERBATAL**

DI PERINGKAT JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

